

## Pintasan paip selesai masalah paip pecah

[Asrol Awang](#)

[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)



Kuantan: Pengurusan Air Pahang Berhad (Paip) terpaksa membuat pintasan paip baharu sepanjang 130 meter bagi menyelesaikan segera masalah paip pecah yang di kawasan Mahkota Golf and Country Club (MGCC), di sini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Saiful Zaini Mohd Bokhari berkata, keputusan pintasan paip itu bagi menyelesaikan segera masalah gangguan bekalan air di beberapa kawasan di daerah ini.

Katanya, setakat ini, kerja pemasangan paip baharu berjalan lancar dan dijangka siap pemasangan dalam tempoh 24 jam.

"Kita membuat keputusan memasang paip baharu yang dilakukan secara pintasan kerana tidak mahu berdepan risiko kerana tidak tahu kerosakan sebenar paip yang pecah itu kerana berada pada kedalaman kira-kira 10 meter.

"Bagi memastikan masalah bekalan air dapat segera diatasi, pemasangan paip baharu yang dilaksanakan secara pintasan sepanjang 130 meter dilakukan.

"Sebaik kerja pemasangan siap, kita akan memaklumkan kepada pengguna untuk kerja penyambungan paip kerana akan berlaku gangguan bekalan air nanti.

"Bagaimanapun, pengumuman notis gangguan bekalan itu akan dimaklumkan dalam tempoh terdekat," katanya kepada media selepas meninjau kerja pemasangan paip baharu di MGCC, di sini hari ini.

Saiful Zaini berkata, apabila kerja penyambungan paip dilaksanakan, pihaknya akan memastikan segala-galanya berjalan lancar terutama penyediaan lori tangki air dan tangki statik.

"Kita harap pengguna dapat menggunakan air secara berhemah," katanya.

Pada 6 September lalu, berlaku gangguan bekalan air yang difahamkan membabitkan kira-kira 35,000 pemilik akaun disebabkan paip yang dipasang pada 1980-an pecah.



SAIFUL Zaini meninjau kerja pemasangan paip baharu di MGCC, Kuantan. FOTO Asrol Awang

Disiarkan pada: September 15, 2022 @ 6:37pm